

17/06/1999

Pengerusi Tetap tegas masa perbahasan

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, mengingatkan semua perwakilan supaya mematuhi tempoh masa yang ditetapkan bagi membahaskan ucapan dasar Presiden, Jumaat ini bagi menjamin kelancaran perhimpunan.

Menurutnya, beliau tidak akan bertolak ansur pada perhimpunan kali ini dan berharap semua perwakilan mematuhi had masa ditetapkan.

Sulaiman juga sudah memberi peringatan itu secara langsung kepada wakil Perhubungan Umno Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, yang menjadi pembahas pertama ucapan dasar Presiden, Jumaat ini.

Badruddin yang juga ahli Parlimen Yan adalah perwakilan Umno yang terkenal dengan lawak jenaknya ketika berucap malah sentiasa meminta tambahan masa bagi menghabiskan ucapannya.

"Saya akan lebih tegas kali ini. Saya sudah memberitahu YB Yan...saya suka mendengar ucapan beliau begitu juga perwakilan lain. Tetapi, saya tidak boleh memberi tambahan masa kepadanya kerana jika saya berbuat demikian, apa yang akan terjadi dengan perwakilan lain?"

"Saya perlu mengawal keadaan ini bagi menjamin kelancaran persidangan," katanya kepada Berita Harian sebelum taklimat khas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini petang ini.

Perhimpunan Agung Umno akan dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini. Tiga usul yang akan dibahaskan kali ini ialah ucapan dasar Presiden, agama/sosial dan ekonomi/pendidikan. Perhimpunan tahun ini dihadiri 2,034 perwakilan.

(END)